

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk membentang pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) bagi mengangkat martabat Mahkamah Syariah

**JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF, MENTERI  
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan komited dalam mempergiat langkah untuk mengangkat kedudukan mahkamah syariah agar setanding dengan mahkamah sivil secara menyeluruh dan komprehensif. Kerajaan akur bahawa bidangkuasa Mahkamah Syariah adalah terbatas dengan peruntukan di bawah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355].

2. Kerajaan berhasrat untuk meminda Akta 355. Walau bagaimanapun, ia tidak boleh dilaksanakan secara berasingan kerana aspek pemerksaan Mahkamah Syariah bukan sahaja tertumpu terhadap isu bidangkuasa di bawah Akta 355 semata-mata, akan tetapi ia meliputi pelbagai aspek yang lebih penting seperti peningkatan tahap kompetensi Hakim, Pendakwa Syarie dan Pegawai Penguatkuasa Agama, penambahbaikan aspek tadbir urus dan prasarana pihak-pihak yang terlibat, penggubalan dan pindaan undang-undang syariah sedia ada dan penyeragaman dan penyelarasan undang-undang Syariah.

3. Sehubungan dengan itu, Kerajaan akan meneliti secara lebih mendalam dan holistik Akta 355 dan undang-undang lain yang berkaitan dengannya sebelum sebarang pindaan dan penambahbaikan dibuat terhadap Akta tersebut dan undang-undang lain yang berkaitan dengannya bagi memastikan aspek pemerksaan kedudukan Mahkamah Syariah tercapai seiring dengan aspek-aspek lain yang perlu diberi penekanan.

Sekian, terima kasih.